

KDN lengkapkan notis merah menantu Muhyiddin

Saifuddin temui Ketua Pesuruhjaya SPRM esok bagi siasatan kes rasuah, seleweng babit pekerja asing

Sungai Siput: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan melengkapkan notis merah Interpol bagi siasatan terhadap menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, esok.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata beliau sendiri akan menemui Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

"Misalnya siasatan di bawah apa. Kita kena nyatakan dalam notis untuk kita mohon notis merah itu. Pertuduhan di bawah apa dan sebagainya itu kita kena lengkapkan dulu," katanya di sini semalam.

Azam sebelum ini memberitahu media menantu Muhyiddin, Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan, 48, dan Mansoor Saat, 69, dikehendaki tampil ke SPRM bagi tujuan pendakwaan kes rasuah dan penyelewengan berhubung projek berkaitan pendaftaran, pengambilan serta penyimpanan biometrik pekerja asing di sebuah kementerian.

Bagaimanapun, hasil semakan dengan Jabatan Imigresen mendapati kedua-dua individu terbabit meninggalkan Malaysia masing-masing pada 17 dan 21 Mei lalu dan tiada rekod masuk kembali ke negara ini.

Dalam perkembangan lain, Sai-



fuddin berkata, bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng Chong Hwa dijadual tiba di Malaysia malam tadi, bagi membantu siasatan pihak berkuasa berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Tumpu dapatkan aset

Mengesahkan perkara itu, beliau berkata, tumpuan ialah mendapatkan kembali aset yang dikaitkan dalam kes itu.

"Jadi, itu (Ng) kita serahkan kepada pihak berkuasa, agensi penguat kuasa untuk menjalankan siasatan. Ia dalam pengetahuan saya kerana kebanyakan agensi atau institusi terbabit selain daripada Peguam Negara ialah agensi di bawah KDN.

"Kalau tiada halangan, dia akan sampai negara kita hari ini, tengah malam nanti. Kalau tiada

"Kita kena nyatakan dalam notis untuk kita mohon notis merah itu. Pertuduhan di bawah apa dan sebagainya itu kita kena lengkapkan dulu"

*Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Dalam Negeri*

nalangan apa-apa," katanya.

Saifuddin berkata demikian ketika ditanya mengenai Ng dan tarikh dia akan tiba ke Malaysia.

Media melaporkan Ng yang dijatuhi hukuman penjara 10 tahun di New York, Amerika Syarikat kerana membantu menggelapkan berbilion dolar dana 1MDB, akan diserahkan kepada Malaysia untuk berdepan pertuduhan di Malaysia.

Saifuddin berkata, Ng berada di Amerika Syarikat untuk sementara sebelum ini bagi berdepan perbicaraan di negara itu.

"Dia sudah disabitkan (hukuman) 10 tahun penjara, tetapi belum lagi menjalani pemenjaraan. Kita belum selesai lagi (siasatan). Untuk itu, kita maklumkan Amerika Syarikat, dalam kes ini Jabatan Keadilan (DOJ), kita maklumkan melalui Pejabat Peguam Negara, mengikut perjanjian apabila selesai perbicaraan di Sana, kita boleh dapatkan dia balik.

"Jadi, kita pun ikut perjanjian itu, maka pihak DOJ bersetuju untuk dia dihantar balik bagi tujuan pihak berkuasa di Malaysia meneruskan siasatan mengenai 1MDB ataupun mengenai Goldman Sachs," katanya.

Ditanya berkenaan lokasi ketibaan Ng, Saifuddin Nasution hanya menjawab: "(Akan tiba) ke satu destinasi yang selamatlah".

